



## JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK

(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)  
TINGKAT 9, 10 & 11 WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRA JAYA  
93502 KUCHING, SARAWAK



### PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BIL. 23 TAHUN 2020

**DARIPADA :** Setiausaha Kerajaan  
Sarawak

**KEPADA :** Pengarah Jabatan Agama  
Islam Sarawak

**PERKARA :** Sila Lihat Di Bawah

**SALINAN** Setiausaha Kewangan  
**KEPADA :** Negeri

Yang-Dipertua Majlis Islam  
Sarawak

Akauntan Negeri Sarawak

**PERKARA : KADAR ELAUN BAHARU PEGAWAI-PEGAWAI MASJID DI  
NEGERI SARAWAK**

**RUJ. KAMI:** JKM/SHRU/POL/100-  
1/1/JLD.1 (42)

**TARIKH :** 3 November 2020

#### 1. TUJUAN

Pekeliling Perjawatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri berhubung penetapan kadar bayaran elaun baharu Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Sarawak.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar bayaran elaun yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling (Perj. Bil. 11/2006) rujukan: 4/EO/3277/Jld.6 bertarikh 11 Mei 2006 telah dikaji serta disemak semula dan telah dipersetujui oleh Kabinet untuk menggunakan kadar yang baharu seperti mana yang terkandung di dalam Pekeliling ini.
- 2.2 Kadar baharu ini bertujuan untuk memberi peluang kepada Pegawai-Pegawai Masjid bagi menikmati gaji/elaun yang lebih baik seterusnya berupaya mempertingkatkan tadbir urus institusi masjid dengan lebih efisien dan efektif.

#### 3. PELAKSANAAN

- 3.1 Bagi tujuan pelaksanaan Pekeliling ini, ia adalah terpakai bagi semua Pegawai-Pegawai Masjid yang diluluskan oleh Majlis Islam Sarawak.
- 3.2 Pegawai-Pegawai Masjid iaitu Imam, Bilal, dan Merbot yang telah dilantik oleh Majlis Islam Sarawak adalah layak mendapat elaun daripada

*"Together We Drive the Workforce in the Civil Service to be World Class"*





Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan kadar yang telah ditetapkan mengikut Gred Masjid berkenaan.

- 3.3 Manakala, Imam (I, II, dan III) layak mendapat imbuhan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM850.00 tanpa mengira gred Masjid.
- 3.4 Kadar Bayaran Elaun Baharu Pegawai-Pegawai Masjid di Negeri Sarawak yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 24 September 2020 adalah seperti di Jadual 1:

| BIL | JAWATAN  | GRED MASJID        | ELAUN       |                    |                                  |
|-----|----------|--------------------|-------------|--------------------|----------------------------------|
|     |          |                    | NEGERI (RM) | * PERSEKUTUAN (RM) | JUMLAH NEGERI + PERSEKUTUAN (RM) |
| 1   | Imam I   | II (Daerah)        | 450.00      | 850.00             | 1,300.00                         |
|     |          | III (Daerah Kecil) | 350.00      | 850.00             | 1,200.00                         |
|     |          | IV (Kariah)        | 250.00      | 850.00             | 1,100.00                         |
| 2   | Imam II  | II (Daerah)        | 350.00      | 850.00             | 1,200.00                         |
|     |          | III (Daerah Kecil) | 250.00      | 850.00             | 1,100.00                         |
|     |          | IV (Kariah)        | 150.00      | 850.00             | 1,000.00                         |
| 3   | Imam III | II (Daerah)        | 250.00      | 850.00             | 1,100.00                         |
|     |          | III (Daerah Kecil) | 150.00      | 850.00             | 1,000.00                         |
|     |          | IV (Kariah)        | 100.00      | 850.00             | 950.00                           |
| 4   | Bilal    | I (Bahagian)       | 900.00      | 0.00               | 900.00                           |
|     |          | II (Daerah)        | 850.00      | 0.00               | 850.00                           |
|     |          | III (Daerah Kecil) | 800.00      | 0.00               | 800.00                           |
|     |          | IV (Kariah)        | 750.00      | 0.00               | 750.00                           |
| 5   | Merbot   | I (Bahagian)       | 850.00      | 0.00               | 850.00                           |
|     |          | II (Daerah)        | 800.00      | 0.00               | 800.00                           |
|     |          | III (Daerah Kecil) | 750.00      | 0.00               | 750.00                           |
|     |          | IV (Kariah)        | 700.00      | 0.00               | 700.00                           |

\* Kadar Elaun/Imbuhan Persekutuan Tertakluk Kepada Keputusan Semasa Kerajaan Persekutuan

**Jadual 1: Kadar Bayaran Elaun Baharu Pegawai-Pegawai Masjid di Negeri Sarawak**

#### 4. PEMAKAIAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, kadar elaun yang terkandung di dalam Surat Pekeliling (Perj. Bil. 11/2006) rujukan : 4/EO/3277/Jld.6 bertarikh 11 Mei 2006 adalah **terbatal**.

#### 5. TARIKH KUATKUASA


Pekeliling Perjawatan Negeri ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2021**.

#### 6. PERTANYAAN

Semua pertanyaan mengenai **Kadar Baharu Elaun Bagi Pegawai-Pegawai Masjid di Negeri Sarawak** bolehlah menghubungi:-

Jabatan Agama Islam Sarawak  
Aras 14, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah  
Lorong P.Ramlee Off Jalan P.Ramlee  
93400 Kuching, Sarawak.  
(Bahagian Kemajuan Institusi Masjid)  
Tel : 082-507107  
Fax : 082-507241

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**



**(DATUK AMAR JAUL SAMION)**  
**Setiausaha Kerajaan Negeri**  
**SARAWAK**